

# Putrajaya sedia anjur sidang OIC

UM 11 JUN 2003

**P**UTRAJAYA 9 Jun — Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang tersergam indah serta mampu untuk menampung 10,000 orang bersedia untuk menganjurkan persidangan antarabangsa pertama, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini.

Pengerusi Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Datuk Mohd. Hashim Hassan berkata, PCC yang diilham pembinaannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir 'Mohamad mempunyai kelengkapan bertaraf antarabangsa.

Menurut beliau, kelengkapan itu bermakna PCC juga mampu untuk menganjurkan persidangan antarabangsa lain seperti persidangan melibatkan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Kumpulan 15 Negara-Negara Membangun (G-15).

Tambahnya, bangunan sembilan tingkat yang berkonsep futuristik itu merupakan pusat konvensyen terbesar dan dilengkapi teknologi canggih di Malaysia.

"Hasil senibina yang menjadi kebanggaan negara ini siap dibina dalam masa kurang dari dua tahun oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.

"Penggunaan sistem pembinaan secara pantas telah membolehkan PCC berjaya disiapkan dalam tempoh yang begitu singkat," katanya semasa berucap dalam Majlis Penyerahan Pusat Konvensyen Putrajaya oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. kepada Kerajaan Pusat yang disaksikan oleh Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata, PCC mempunyai keluasan 135,000 meter persegi akan menjadi pemangkin utama kepada Malaysia dalam usahanya untuk muncul sebagai desti-

nasi mesyuarat dan konvensyen antarabangsa yang menjadi rebutan masyarakat dunia.

Ujarnya, bangunan berkenaan yang terletak di kawasan seluas 20.4 hektar dijangka memantapkan lagi kedudukan Malaysia dalam pasaran pusat mesyuarat dan konvensyen antarabangsa.

Menjelaskan tentang seni bina PCC, beliau berkata ia mengambil kira rupa bumi ganjil bukit setinggi 60 meter yang menjadi tapak pembinaannya serta berdasarkan bentuk Pending Perak yang merupakan salah satu pakaian kebesaran diraja.

Beliau memberitahu, bagi mencerminkan motif pending Perak, 50 bilik lain termasuk ruang istirahat, galeri, dewan solat, balai cerap, dapur, kafe dan restoran disusun kedudukannya dalam bentuk bulatan sepusat yang mencerminkan

nukleus pusat atau 'mata' yang terdapat pada pending.

"Walaupun, terdapat lebih lima buah dewan, tetapi tiga dewan utamanya ialah Dewan Pleno di tingkat satu, Dewan Ketua Negara di tingkat bawah dan Dewan Bankuasi di tingkat bawah tanah," jelasnya.

Kawasan sekitar PCC juga dihiasi dengan landskap serta struktur menarik seperti terusan, jambatan dan menara.

Katanya, Balai Cerap di tingkat satu nusut ini menawarkan pemandangan indah yang terdapat di sekelilingnya. Di tengah-tengah panorama menarik ini terdapat laluan yang dihiasi barisan pokok sepanjang 4.2 kilometer yang merentang dari Bangunan Perdana Putra.

Mohd. Hashim menjelaskan, kewujudan PCC menjadikan Putrajaya sebuah pusat pentadbiran ultra-modern yang lengkap dengan serba-serbi.